

[BERITA](#) [SUKAN](#) [IUUNA](#) [HIBURAN](#) [BISNES](#) [RENCARA](#) [WANITA](#) [BUJUNG MINGGU](#) [BH KAPSUL](#) [COVID-19 VAKSIN](#)

OLIMPIK 2020

[NASIONAL](#) [KERA](#) [POLITIK](#) [PENDIDIKAN](#) [WILAYAH](#)

Keluarga Malaysia permulaan tekad baharu

Oleh Mahani Ishak - Oktober 8, 2021 @ 6:42pm
mahani@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Keluarga Malaysia diharap menjadi satu permulaan tekad baharu, terutama dalam membebaskan negara daripada belenggu pandemik COVID-19 serta memulihkan ekonomi negara.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berkata Keluarga Malaysia membawa maksud yang besar dalam aspek kehidupan yang menampilkan nilai kebersamaan yang perlu saling hormat dan memahami.

"Konsep Keluarga Malaysia untuk membolehkan kita merasai keindahan kehidupan serta mencipta keharmonian bersama seperti dalam sebuah keluarga, setiap daripada ahli perlu harus saling menyayangi, melindungi dan tiada siapa pun harus dipinggirkan.

"Begini jugalah Keluarga Malaysia yang mendukung prinsip masyarakat makmur berdasarkan teras Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesukuran, iaitu prinsip ini yang akan memberikan kekuatan dalam sebuah keluarga dan dalam konteks ini dalam sebuah negara bangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis prapelancaran Keluarga Malaysia yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Hakim Negara; Tengku Maimun Tuan Mat; Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Jemaah Menteri.



Ismail Sabri bersama sebahagian menteri melambai ke arah peserta konvoi ketika pelepasan Skuad Keluarga Malaysia secara maya di Kuala Lumpur, hari ini. - Foto NSTP/AIZUDDIN SAAD